

AS terima lebih ramai pelarian Rohingya berbanding Syria
Free Malaysia Today
Sept 21, 2016

Kebanyakan Rohingya memilih AS selepas beberapa tahun tinggal di Malaysia.

CHICAGO: Pelarian Rohingya dari Myanmar mengatasi bilangan pelarian Syria ke Amerika Syarikat (AS) sejak beberapa tahun kebelakangan ini, menurut perangkaan Jabatan Negara.

Ia di sebalik hakikat perang saudara di Syria yang semakin buruk sehingga memaksa Presiden AS, Barack Obama berjanji menempatkan semula sekurang-kurangnya 10,000 pelarian dari negara yang dilanda perang itu tahun lalu.

Sejak 1 Oktober 2015 hingga 15 September ini, sebanyak 11,902 warga Myanmar menetap di AS berbanding 11,598 orang dari Syria, menurut Pusat Pemrosesan Pelarian yang dikendalikan Jabatan Negara.

Angka itu sebahagian daripada 79,600 pelarian yang tiba di Amerika Syarikat dalam tempoh sama.

Kumpulan terbesar pelarian, lebih 15,000 adalah dari Republik Demokratik Congo yang dilanda perang.

Pelarian Syria, yang berdepan serangan militan IS pula terpaksa melalui pemeriksaan tambahan sebelum diterima masuk.

Jabatan Negara turut mendedahkan bilangan pelarian Rohingya yang tiba di AS melonjak daripada hanya 650 orang pada 2014 kepada 2,573 orang tahun lepas, dan tahun ini angka itu mencecah 2,173 setakat 15 September 2016.

Dalam pertemuan dengan pemimpin Myanmar, Aung Sang Suu Kyi di Rumah Putih Rabu lepas, Obama mengumumkan penghapusan sekatan AS terhadap negara itu sejak 1997, ketika ia diperintah junta tentera yang menindas pergerakan pro-demokrasi.

Keputusan itu bagaimanapun membangkitkan ketidakpuasan kumpulan hak asasi yang memperjuangkan nasib Rohingya yang hidup tanpa kerakyatan.

Rohingya, komuniti yang lama ditindas di Myanmar, dianggap pendatang haram dari Bangladesh walaupun tinggal di negara itu selama beberapa generasi.

Susulan kebebasan bersuara selepas tentera melangkah keluar dari pemerintahan pada 2011, ia membuka ruang kepada kumpulan anti-Islam.

Kira-kira 125,000 kekal di kem sementara di wilayah Rakhine, Myanmar berikutan keganasan Buddha-Islam pada 2012, sehingga ramai yang dinafi hak untuk mengundi dalam pilihan raya tahun lepas.

Kebanyakan Rohingya memilih AS selepas beberapa tahun tinggal di Malaysia dan diberikan dokumen pelarian oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Pengarah Eksekutif RefugeeOne, sebuah agensi penempatan semula di Chicago, Melineh Kano berkata, komuniti Rohingya adalah jumlah pelarian terbesar yang tiba dari Myanmar ke AS.

“Bilangan ini meningkat dengan ketara sejak beberapa tahun yang lalu,” katanya.

Nasir Zakaria, pengasas Pusat Kebudayaan Rohingya di Chicago menganggarkan lebih 1,000 Rohingya tinggal di bandar itu.

Obama juga menggesa Myanmar menghentikan penindasan terhadap komuniti Rohingya sebagai langkah menjayakan peralihan demokrasi, satu pencapaian utama agenda dasar luar beliau.

Nasir berkata, kebebasan untuk bergerak secara sah di Chicago menjadikan hidup mereka jauh lebih baik daripada Myanmar dan Malaysia, namun mereka berdepan cabaran lain.

Chicago dengan 2.7 juta penduduk bergelut masalah pembunuhan dengan 509 kes direkod tahun ini, menurut Jabatan Polis Chicago.

Kanak-kanak yang baru tiba ke AS dari keluarga pelarian menjadi sasaran geng untuk direkrut, kata Kano daripada RefugeeOne.

“Apabila memilih kawasan penempatan, kami perlu berhati-hati mengenai kadar jenayah dan keaktifan geng, kerana majoriti pelarian datang dengan anak,” katanya.

“Sama ada menyertai kumpulan itu atau dipukul kerana tidak menyertainya.”

Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/09/21/as-terima-lebih-ramai-pelarian-rohingya-berbanding-syria/>